



PEMANGKU Presiden MCA, Datuk Dr Neo Yee Pan (kiri) dan rimbalanya, Datuk Mak Hon Kam (dua dari kanan) mendengar penerangan hasil kempen pilihanraya kecil kawasan Seremban dari pemimpin-pemimpin pusat dan negeri di Seremban semalam

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia



POSTER-POSTER Barisan Nasional dan DAP berselerak di merata-rata tempat di Seremban

Wakam dapat menamam kerusi Seremban

Kit Siang cabar Dr Neo

SEREMBAN, Ahad DAP tidak akan berjaya mempengaruhi lebih 60,000 pengundi di Seremban dengan membangkitkan persoalan bekas Presiden MCA, Datuk Lee San Choon, yang didakwa gagal menjalankan tugas dalam tempoh 18 bulan lalu.

Sebaliknya, Barisan Nasional, dengan sokongan parti-parti komponennya, yakin akan mengekalkan kerusiannya memandangkan sambutan yang sungguh menggalakkan walaupun kempen baru bermula.

Pemangku Presiden MCA, Datuk Dr Neo Yee Pan, berkata DAP tidak perlu membangkitkan isu itu kerana apa yang berlaku sekarang ialah penakaran pucuk pimpinan — satu amalan biasa yang harus difahami oleh setiap rakyat.

Beliau memberitahu *Berita Harian*, pengundi di Seremban menyedari bahawa DAP tidak akan dapat melakukan sebarang kebaikan untuk rakyat jika diberi peluang sekali lagi untuk memegang kerusi Seremban.

"Dalam tempoh tiga penggal DAP memegang kerusi sebelum tahun lalu, tidak ada satu pun yang dilakukannya," katanya ketika ditemui sebelum mesuaris puast gema an pilihanraya Barisan Nasional di Rahang.

Selain itu, pemimpin-pemimpin tertinggi lain DCA, Datuk Lim Kam, melawat pusat di Raah, Tan Sri Chong Hon Nyan di Terentang dan Datuk Chia Hui Nguan di Sungai Ujong.

Datuk Dr Neo menjelaskan, Barisan Nasional adalah parti yang bekerja secara kolektif untuk membantu rakyat.

"Oleh itu tidak timbul kegagalan hanya kerana seseorang pemimpin.

"Apa yang dilaksanakan sekarang adalah rancangan jangka panjang untuk memenuhi setiap aspirasi rakyat, di mana saja.

"Apa yang didakwa oleh DAP adalah tidak berasas. Amalan itu adalah semesta-mata untuk mengubah mata rakyat bagi kepentingan mereka sendiri. Datuk Lee telah berasar dan tugasnya kini akan diambil oleh pemimpin baru yang berkebolehan untuk meneruskan cita-cita rakyat."

Berita Harian difahamkan, meskipun DAP menuduh Datuk Lee tidak melakukan sesuatu setelah memenangi kerusi Seremban, rakyat mengetahui bahawa dalam tempoh itu, sejumlah \$1.07 juta telah dibelanjakan untuk mereka.

Cita2 rakyat

Pembangunan kampung-kampung baru adalah keutamaan yang dibentangkan oleh Datuk Lee, dengan \$140,000 dibelanjakan bagi Sungai Ujong, \$96,480 bagi Kampung Baru Raah dan \$48,870 di Kampung Baru Rahang. Sebanyak 379,414 dibahagikan bagi menyelesaikan "Perbelanjaan besar digunakan untuk mendirikan 18 rumah bimbingan kanak-kanak.

Datuk Dr Neo menyarankan keyakinan Puan Rosie Teh dalam dapat menubuhkan cita-cita rakyat kerana keupayaannya memimpin.

Tambahan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datin Paduka Rosemary Chong, merangkap Ketua Wanita MCA mengesahkan, Dr Chen Man Hin yang pernah memegang kerusi Seremban selama 15 tahun tidak dapat menandingi apa yang dilakukan oleh Datuk Lee.

BN atur lebih 300 ceramah dalam kempen di Seremban

SEREMBAN, Ahad — Barisan Nasional mengatir lebih kurang 300 ceramah dalam kempen pilihanraya kecil ini untuk memastikan kemenangan calonnya, Puan Rosie Teh.

Sekalini ini, MCA telah mengadakan sekurang-kurangnya 180 ceramah di seluruh kawasan bagi memulakan propaganda DAP dan melancarkan dasar Barisan kepada rakyat. Umno dan MIC juga mengatirkan ceramah bagi menyokong Puan Teh.

Sejak kempen bermula selepas penamaan calon, sambutan dari rakyat adalah menggalakkan.

Hari ini saja, meskipun hari selepas ini, jentera pilihanraya BN bergerak cergas dan melawat ke kawasan-kawasan pilihanraya. Pejabat MCA di sini dibuka 24 jam.

Puan Teh turut menjalankan ceramah di Kampung Baharu Bahang, dari perbagot-roiyong di kampung Baharu Paroi dan Rahang.

Enak, kempen akan diadakan di Podas, Mambau, Bukit Kaye, Taman Choo, Leong dan Jalan Tun Dr Jassin.

Beberapa pemimpin komponen parti negeri dan kebangsaan akan memberi ceramah. Yangmenyertai itu, perang poster bertambah hebat, dengan seluarlah bandar dipenuhi dengan gambar calon dan lambang parti.

DAP dikatakan akan menubuhkan parti negri tenaganya untuk merampas kembali kerusi ini yang dipegang oleh Dr Chen dari 1969 sehingga tahun lalu.

SEREMBAN, Ahad — Siangtasha Agung DAP, Enik Lim Kit Kiang, mencabar Pemangku Presiden MCA, Datuk Dr Neo Yee Pan supaya bertopang dengannya mengenal-isu semasa.

Sambil memela Datuk Dr Neo supaya menyertai perbahasan 13 hari secara "marathon", Enik Lim berkata, beliau memilih tajuk "Hari ini dalam tempoh 18 bulan

"Mungkinglah Datuk Dr Neo berjaya menyertai politik bersama saya?"

Ketika berucap dalam ceramah di Dewan NSCRC, Enik Lim mendakwa Datuk Dr Neo juga tidak berani berlarai maraton 28 batu dengan Datuk Dr Neo jugalah DAP dalam pertandingan ini.

Datuk Dr Neo juga tidak berani berlarai bersama saya ke seluruh kawasan pilihanraya Seremban untuk mengahuti kedudukan yang ditinggalkan oleh bekas Presiden MCA, Datuk Lee San Choon," katanya.

BN pecahkan 4 kawasan

SEREMBAN, Ahad — Barisan Nasional memecahkan empat kawasan di sini untuk bertanding jentera kempen pilihanraya bergerak cergas.

Setiap kawasan diketuai oleh seorang pengarah bagi memastikan segala kempen memenuhi hasrat yang dikehendaki oleh puast mampan.

Jurucakap pejabat MCA berkata kawasan-kawasan itu ialah Sungai Ujong yang diketuai oleh Wakil Rakyat Enik On Her dan Rahang, Cecil Wong See Wah, Terentang (Datuk Yazid Baki dan Rosah) dan Enik Yee Koh Chin.